

BENQKEL ONE STOP CENTRE....

Disediakan oleh: Mohd Zaki Mohd Yusoff

Kemahiran menggunakan sumber maklumat terkumpul bagi sesebuah organisasi sangat penting bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan sesuatu organisasi.

Selaras dengan keperluan tersebut, satu bengkel pengendalian laman sesawang “*One Stop Centre*” telah berjaya dianjurkan oleh Jabatan Sains Gunaan kepada semua staf akademik dan bukan akademik pada 7 Mei 2018, bertempat di Makmal Komputer 3, UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Bengkel ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Noor Mohd Ali, pensyarah kanan fizik Jabatan Sains Gunaan, UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Pelbagai info menarik dan terkini telah berjaya diserap oleh ke semua 32 staf jabatan.

